

MAHATHIR - HUBUNGAN
(I)

OLEH ABDUL RAHMAN SULAIMAN

1984

PORT MORESBY, 8 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD EERKATA MALAYSIA AKAN MENKAKAJI SEMULA HUBUNGANNYA DENGAN AUSTRALIA DAN NEW ZEALAND UNTUK SALINGBERTINDAK DENGAN LEBIH BERMAKNA DALAM EKONOMI.

BELIAU MEMBERITAHU PARAWARTAWAN MALAYSIA DI SINI SEBELUM BERLEPAS UNTUK LAWATAN LAPANHARI KE KEDUA-DUA BUAH NEGARA ITU BAHAWA TINDAKAN TERSEBUT PERLU KERANA HUBUNGAN YANG ADA SEKARANG MEMBERI TUMPUAN YANG LEBIH KEPADA PELAJARAN.

+ TINDAKAN BERSAMA TERHADAP EKONOMI ANTARA MALAYSIA DAN KEDUA-DUA BUAH NEGARA TERSEBUT PATUT DITINGKATKAN KERANA SELAMAINI-KITATERLALU MENUMPUKAN TERHADAP PELAJARAN, + KATANYA.

PERDANAMENTERI YANG MENAMATKAN LAWATAN DUA HARINYA KE PAPUA NEW GUINEA BERPENDAPAT ADA BANYAK PELUANG UNTUK KERJASAMA EKONOMI ANTARA MALAYSIA DAN AUSTRALIA SERTA NEW ZEALAND.

KATANYA MALAYSIA DI SATU PIHAK DAN AUSTRALIA DAN NEWZEALAND DI PIHAK LAIN PATU MENEROKA BIDANG-BIDANG BARU YANG MEREKABOLEH BEKERJASAMA. -- LAGI

1008MST 08 08 84

D426

R 8471 BAH EMA.SIN

MAHATHIR - HUBUNGAN 2 PORT MORESBY

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERLEPAS KE CANBERRA ESOK. BELIAU AKAN BERADA DI AUSTRALIA SEHINGGA 14 OGOS DAN BELIAU DIJADUALKAN BERUNDING DENGAN RAKAN SEJAWATNYA, ENCIK BOB HAWKE.

BELIAU KEMUDIAN AKAN BERLEPAS KE NEW ZEALAND UNTUK BERUNDING DENGAN PERDANA MENTERI NEW ZEALAND ENCIK DAVID LANGE.

PERDANA MENTERI YANG DISERTAI OLEH DATUK PADUKA DATI SERI DR. SITI HASMAH, MENTERI LUAR TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN, MENTERI PELAJARAN DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI DAN PARA PEGAWAI KANAN AKAN PULANG KE TANAH AIR PADA 17 OGOS.

BELIAU DIJANGKA MENGGARISKAN HARAPAN MALAYSIA UNTUK MENGADAKAN PENEKANAN BARU DALAM HUBUNGANNYA DENGAN KEDUA-DUA BUAH NEGARA ITU SEMASA BELIAU BERUNDING DENGAN PERDANA-PERDANA MENTERI AUSTRALIA DAN NEW ZEALAND.

LAIN-LAIN PERKARANYA DSJANGKA DIBANGKITKAN SEMASA RUNDINGAN TERSEBUT IALAH KAMPUCHEA, ANTARTIKA DAN ISU-ISU DUA HALA.

SAMBIL MENEKANKAN TENTANG PERLUNYA PERHUBUNGAN +BENTUK BARU+ DENGAN AUSTRALIA? DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYEBUT TENTANG KEMUNGKINAN MALAYSIA MEMAINKAN PERANAN +SERENTI+ UNTUK MEMPROSES BAHAN-BAHAN MENTAH AUSTRALIA UNTUK DIEKSPORT KE NEGARA-NEGARA KETIGA.

KATANYA-MALAYSIA MAMPU MEMAINKAN PERANAN TERSEBUT MEMANDANGKAN NEGARA INI MEMPUNYAI BEKALAN TENAGA YANG BANYAK, HARGA BURUH YANG KOMPETITIF DISAMPING LAIN-LAIN KEMUDAHAN.

+ JIKA INI DAPAT DILAKUKAN, IA SUDAH TENTU AKAN MENGURANGKAN BEBAN AUSTRALIA YANG KINI TERPAKSA MENANGGUNG PEMBAYARAN HARGA TENAGA YANG TINGGI, + JELAS BELIAU. -- LAGI

MAHATHIR. - HUBUNGAN 3 PORT MORESBY

SATU LAGI KEMUNGKINAN YANG DAPAT MENINGKATKAN MAH PERLUNYA PARA PENIAGA MALAYSIA MENJUAL LEBIH BANYAK KEPADA AUSTRALIA.

+ KITA PERLU MENEROKA PASARAN AUSTRALIA DENGAN LEBIH MENDALAM, + KATANYA.

+ BAGAIMANAPUN, INI TERSERAHLAH KEPADA PARA PENIAGA KITA, + TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU YAKIN PASTI 'ADA SETENGAH + ORANG BIJAK + YANG TIDAK AKAN BERSETUJU ATAU MENOLAK CADANGANNYA ITU.

+ MEREKA AKAN BERKATA, AH... ITU TIDAK BAIK. OLEH KERANA IA TIDAK BAIK, MEREKA TIDAK AKAN JUAL. + -- LAGI

MAHATHIR - HUBUNGAN 4 PORT MORESBY

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA OLEH KERANA ORANG SEDEMIKIAN BERFIKIR USAHA SEUMPAMA INI TIDAK BAIK MEREKA TIDAK AKAN BERBUAT APA-APA UNTUK MELAKSANAKANNYA TANPA MENYEDARI BAHAWA MEREKA TIDAK MEMBERI SUMBANGAN KE ARAH MENGURANGKAN DEFISIT TAK KETARA YANG DIHADAPI OLEH NEGARA SEKARANG.

BELIAU JUGA MEMBIDAS + ORANG YANG BERBELANJA BESAR + YANG KE LUAR NEGERI UNTUK + BERECUTI DAN BUKAN UNTUK MELABUR. +

BELIAU BERPENDAPAT ORANG SEDEMIKIAN PATUT MENGHABISKAN CUTI MEREKA DI DALAM NEGERI KERANA MALAYSIA TIDAK KEKURANGAN DENGAN TEMPAT-TEMPAT MENARIK TERMASUK BUKIT-BUKIT PERANGINAN SEPerti GENTING HIGHLANDS DAN CAMERON-HIGHLANDS.

BELIAU MENGAKUI, BAHAWA SEELUM MEREKA DAPAT DIPENGARUHI UNTUK MENUKAR SELERA, + KITA PERLU MENJADIKAN TEMPAT-TEMPAT PERANGINAN ITU LEBIH MENARXK KEPADA MEREKA. +

+ SEBAB ITULAH KITA SERING BERCAKAP TENTANG MEMBINA JALAN-JALAN YANG BAIK KETEMPAT-TEMPAT ITU. + -- LAGI

1042MST 0 8 08 8 4

D433

R B476 BAH EMA S I N
MAHATHIR - HUBUNGAN 5 PORT MORESBY

+ BUAT MASA SEKARANG RAMAI RAKYAT MALAYSIA PERGI KE GENTING HIGHLANDS UNTUK BERECUTI, SEMATA-MATA KERANA MEREKA DAPAT KE SANA DENGAN MUDAH KERANA ADANYA JALAN YANG BAIK. +

+ SAYA YAKIN LEBIH RAMAI ORANG LAGI AKAN PERGI KE BUKIT FRASER DAN TEMPAT-TEMPAT LAIN JIKA TERDAPAT JALAN-JALAN YANG BAIK, + KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, BAGAIMANAPUN, USAHA-USAHA KERAJAAN UNTUK MEMPERBAIKI KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PELANCONGAN AKAN DIJALANKAN BERPERINGKAT-PERINGKAT MEMANDANGKAN KEDUDUKAN KEWANGAN SEKARANG..

KATANYA KERAJAAN TIDAK BOLEH BERGANTUNG KEPADA SEKTOR SWASTA UNTUK MEMULAKANNYA KERANA PENGALAMAN-PENGALAMAN LALU MENUNJUKKAN KERAJAAN PERLU MEMBUKA JALAN UNTUK + MENUNJUKKAN KEPADA SEKTOR SWASTA BAHAWA SESUATU PROJEK ITU MEMPUNYAI DAYA MAJU SEBELUM PIHAK SWASTA DAPAT DSYAKINKAN BAHAWA IANYA BERDAYA MAJU. +

BELIAU MENYEBUT BAHAWA KEPUTUSAN KERAJAAN UNTUK MENYERAHKAN HOTEL-HOTEL YANG DIBINA OLEH PERBADANAN KEMAJUAN PELANCONGAN (TDC) KEPADA SEKTOR SWASTA ADALAH SALAH SATU LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH KERAJAAN KE ARAH TERSEBUT. -- BERNAMA